

07 APR 2003

Abdullah-Pembangkok

ABDULLAH NAFI DAKWAAN KERAJAAN TERGESA-GESA KEMUKA USUL

KUALA LUMPUR, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menafikan dakwaan pembangkang bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) tergesa-gesa mengemukakan usul bagi persempadanan semula kawasan pilihan raya semua negeri kecuali Sarawak.

Beliau berkata sekiranya kerajaan tergesa-gesa ia tentunya terus mengemukakan usul bagi meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan kawasan pilihan raya ditambah.

"Pindaan Perlembagaan akan dibuat pada bulan Jun tetapi sebelum pindaan Perlembagaan dibuat kita mesti lulus dahulu cadangan untuk menambah kawasan pilihan raya atau untuk mempersempadankan semula kawasan-kawasan berkenaan," kata Pemangku Perdana Menteri pada sidang media selepas membentangkan dua usul serentak persempadanan semula kawasan pilihan raya di Semenanjung dan Sabah di Dewan Rakyat hari ini.

Abdullah ditanya mengenai dakwaan pembangkang bahawa kerajaan tergesa-gesa berhubung perkara itu dan mereka turut mempersoalkan kajian Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengenai persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dikatakan wujud unsur politik.

Beliau berkata setiap kerja berkaitan dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya dilaksanakan oleh SPR.

"Tapi memanglah pada bila-bila pun pembangkang akan sentiasa mencari sebab-sebab untuk hendak menyatakan mereka tidak senang hati ...

"Itulah kebebasan yang ada dalam Parlimen, sesiapaapun boleh bercakap. Yang pentingnya SPR telah menjalankan satu kerja yang baik yang amanah dan ada kriteria-kriteria yang digunakan," katanya.

Abdullah berkata SPR membuat laporan mengenai persempadanan baru itu, malahan menerangkan apakah kriteria serta fakta yang digunakan bagi melaksanakan kajian semua persempadanan bahagian pilihan raya.

"Suruhanjaya tidak menyembunyikan apa-apa hujah atau fakta yang mereka telah gunakan. Mereka berterus terang dan amat terbuka. Mereka telah berkata bahawa mereka menggunakan kriteria tertentu dan saya telah nyatakan dalam ucapan saya di Parlimen dan saya rasa tidak perlu untuk menambahnya lagi," katanya.

Terdahulu di dalam dewan, semasa Abdullah hendak membentangkan usul itu, dua anggota pembangkang Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) dan Che Ghani Che Ambak (PAS-Setiu) bangun menggunakan Peraturan Mesyuarat mempersoalkan kenapa usul berkenaan dikemukakan secara tergesa-gesa.

Kerk yang menggunakan Peraturan Mesyuarat 27(3) mempersoalkan kenapa notis yang singkat diberikan bagi mengemukakan usul berhubung persempadanan kawasan pilihan raya itu.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah menyatakan Parlimen tidak akan dibubarkan sehinggalah beliau bersara pada Oktober. Ini bermakna sesi Parlimen bulan Jun masih ada dan kita mempunyai masa untuk usul itu... sekarang kita ada perkara lain yang lebih penting seperti SARS (Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk), perang Iraq dan lain-lain," katanya.

Che Ghani pula menggunakan Perkara 117 Perlembagaan Persekutuan mempersoalkan kelayakan Abdullah sebagai Pemangku Perdana Menteri untuk membentangkan usul itu di bawah nama Perdana Menteri.

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat Datuk Muhamad Abdullah berkata Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri adalah Ketua Majlis, dan kedua-dua mereka berhak membentangkan usul kerajaan.

Abdullah ketika ditanya dakwaan pembangkang bahawa usul persempadanan

itu bertujuan membolehkan pilihan raya umum diadakan segera, Abdullah berkata kalau mereka hendak meneka perkara itu, terserahlah.

"Mengenai pilihan raya saya tidak ada apa-apa nak cakap dalam perkara ini," katanya.

Ditanya adakah pilihan raya umum diadakan pada tahun ini juga, Abdullah berkata: "Kita tak tahu bila kita akan adakan pilihan raya, PM dah kata tidak akan ada pilihan raya sebelum Oktober."

Ditanya lanjut ia mungkin diadakan selepas Oktober, beliau berkata: "Oktober atau Disember 2004 boleh jadi juga."

-- BERNAMA

HS HS RON